

Helikopter angkut mangsa bah

Penduduk Orang Asli di Kampung Peta tak dapat dihubungi jalan putus

● HERMAN TARMIZI AHMAD | BERITA HARIAN

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
dan Badrul Kamal Zakaria
badrulkamal@bharian.com.my

JOHOR BAHRU: Pasukan penyelamat terpaksa menggunakan helikopter bagi menjalankan operasi pemindahan 27 penduduk Orang Asli dari Kampung Peta dekat Mersing yang terjejas banjir sejak pagi semalam.

Gerakan memindahkan mereka terpaksa dibuat melalui udara selepas jalan penghubung sejauh 60 kilometer ke kawasan yang terletak dalam Taman Negara Endau-Rompin itu ditenggelami air sedalam 1.5 meter.

Jurucakap Bilik Gerakan Banjir, Mejar Sulaiman Ngalinin, berkata selain helikopter gerakan juga dibuat menggunakan bot, bagi menghantar bantuan dan memindahkan penduduk terjejas yang kini ditempatkan di dewan dan chalet Taman Negara yang ketika ini dijadikan pusat pemindahan sementara.

Di SAMARAHAN: Kemeriah sambutan Krismas lebih 300 masyarakat Iban di Kampung Moyan Lidang, Asajaya, terjejas apabila rumah mereka dinaiki air setinggi kira-kira 0.5 hingga 0.7 meter sejak petang kelmarin.

Hujan lebat sejak dua hari menyebabkan penduduk yang sedang berkunjung ke rumah saudara mara terpaksa pulang ke rumah masing-masing bagi menyelamatkan harta benda selain bersiap berpindah ke pusat pemindahan banjir.

Suri rumah, Sujie Abang, 51, berkata rumahnya mula dimasuki air kira-kira jam 6 petang kelmarin selepas air Sungai Samarahan melimpah ketika



PEKAN Lundu kira-kira 90 kilometer dari Kuching dilanda banjir berikutan hujan lebat serta air pasang besar.

saudara mara berkunjung menyebabkan keadaan menjadi kelim-kabut.

Katanya, dia terpaksa memindahkan ibu bapanya yang uzur terlebih dulu dan kenderaan ke tempat lebih tinggi dengan hampir semua kelengkapan dan perkakasan rumah terpaksa ditinggalkan.

"Sambutan Krismas tahun ini memang berlainan kerana kami terpaksa berpindah selepas air mula memasuki rumah yang dipenuhi saudara mara yang sedang menikmati

jamuan mengakibatkan keadaan menjadi kecoh.

"Saya hanya sempat meminta anak-anak menyelamatkan dokumen penting serta barangan berharga, manakala kebanyakan perabot di rumah ditenggelami air," katanya ketika ditemui Berita Harian semalam.

Sujie yang terpaksa menggunakan penutup tangki air sebagai perahu berkata, banjir kali ini adalah yang terburuk.

Tinjauan mendapati kebanyakan penduduk yang masih dalam suasana Krismas sibuk memindahkan barang, manakala remaja mengambil kesempatan bermain air bersama keluarga masing-masing.

Ada di kalangan penduduk masih mengenakan topi salji berwarna merah ketika berpindah ke Pusat Pemindahan di Kompleks Sukan Asajaya yang turut menempatkan mangsa dari Kampung Moyan dan Kampung Serpan.